



KEADAAN bas persiaran yang terbabas.

# Jalan beralun

■ Enam pelajar cedera ringan selepas bas terbabas dalam perjalanan ke UTHM

Izlaily Nurul Ain Hussein  
dan Ahmad Othman  
am@hmetro.com.my

## Kota Tinggi

**E**mpat pelajar perempuan dan dua pelajar lelaki mengalami cedera ringan sejurus bas dinaiki mereka terbabas dan terbalik di KM 26.5 Jalan Kulai-Kota Tinggi di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 8.30 pagi, mangsa yang cedera pada anggota badan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Kota Tinggi (HKT) di sini, manakala pemandu bas, dua guru pengiring

dan 33 pelajar lain tidak cedera.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendant Rahmat Othman berkata, bas persiaran itu membawa 39 pelajar dan guru pengiring dari Sekolah Menerang Kebangsaan Lokman Hakim, FELDA Lok Heng di sini, untuk ke Festival Jom Masuk Universiti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Batu Pahat.

"Kemalangan dipercayai berlaku apabila bas dari

Kota Tinggi ke Kulai hilang kawalan ketika melalui jalan yang beralun sebelum terbabas dan terbalik ke sebelah kanan jalan.

"Bas dipandu seorang lelaki berusia 31 tahun itu hilang kawalan dipercayai berpunca keadaan jalan. Siasatan masih diteruskan untuk menganal pasti punca lain kejadian itu," katanya.

Rahmat berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 43(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

**FAKTA**  
**Pemandu bas,  
dua guru  
pengiring dan 33  
pelajar lain tidak  
cedera**